

▼10/01/13-53MST

BAH

KONGRES EKONOMI PENTING BAGI BUMIPUTERA  
Kongres - Prestasi

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Kongres Ekonomi Bumiputera ketiga yang bermula hari ini amat penting sebagai usaha meningkatkan penglibatan dan prestasi Bumiputera dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

Katanya, kongres itu juga merupakan saluran terhadap usaha mewujudkan dan membangunkan satu Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) seperti yang disyorkan dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

Dalam ucapan perasmianya di sini, beliau berkata kongres itu merupakan satu forum untuk melahirkan hasrat, pandangan, syor dan cadangan ke arah kedua-dua matlamat itu.

+Mewujudkan masyarakat Bumiputera yang lebih aktif dalam perniagaan dan perindustrian menjadi lebih mendesak memandangkan negara kini mempunyai matlamat ke arah negara maju menjelang tahun 2020. Kita tidak mahu melihat Bumiputera berada di peringkat kaum membangun yang mundur apabila negara meningkat menjadi negara maju,+ katanya.

Beliau berkata kesedaran bahawa orang Melayu jauh ketinggalan telah lama dirasai semasa Malaysia masih dijajah kerana ketika itu usaha pembangunan penjajah hanya tertumpu ke arah mengeksploitasi hasil sumber negara bagi kepentingan mereka tanpa menghirau keadilan agihan ekonomi kepada rakyat berbilang kaum. -- Lagi

▼10/01/13-37MST

R GB 10-01 00177 BH146

BAH

Kongres - Prestasi 2 Kuala Lumpur

Penekanan penjajah lebih tertumpu kepada pembangunan infrastruktur untuk memudahkan pengeluaran hasil industri milik mereka dan kenyataan bahawa orang Melayu semakin ketinggalan dalam bidang perniagaan dan perusahaan tidak dianggap sebagai masalah kerajaan.

Perdana Menteri berkata, masalah penyertaan Bumiputera dalam bidang ekonomi masih belum selesai walaupun Malaysia telah 34 tahun merdeka dan kerajaan telah membentuk pelbagai dasar, mengadakan peruntukan ribuan juta ringgit serta menubuhkan pelbagai agensi untuk membantu mereka.

Masalah ekonomi Bumiputera semakin memuncak seperti yang dapat dilihat daripada peristiwa 13 Mei 1969, yang menurut beliau walaupun lebih merupakan peristiwa politik ia sebenarnya menunjukkan kebimbangan orang Melayu khususnya terhadap kedudukan ekonomi jika mereka kehilangan kuasa politik.

+Jika orang Melayu yakin kedudukan mereka begitu kukuh daripada segi ekonomi, mereka tidak akan mudah bertindak seperti pada 13 Mei, 1969,+ tambah beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sebagai satu cara untuk menstabilkan politik di Malaysia, langkah-langkah kemudian diambil untuk mengimbangkan kedudukan ekonomi Bumiputera dengan bukan Bumiputera melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB). -- Lagi

▼10/01/13-40MST

CNS8845

U GB 10-01 00168 BH150

BAH

Kongres - Prestasi 3 Kuala Lumpur

Sambil menyifatkan DEB sebagai satu +langkah kejuruteraan sosial+ yang berani bagi mana-mana masyarakat, beliau mengakui matlamat 30 peratus Bumiputera dalam bidang ekonomi tidak tercapai dan menambah bahawa pencapaian 20 peratus adalah satu kejayaan besar yang merupakan +peningkatan hampir 1,000 peratus daripada dua peratus yang dimiliki oleh Bumiputera sewaktu DEB dimulakan.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, satu kongres sahaja tidak mungkin dapat menyelesaikan atau mengenalpasti semua masalah Bumiputera kerana ia perlu dituruti dengan pelbagai kongres, konvensyen dan bengkel lain.

Beliau juga mengingatkan tentang bahaya mengadakan terlalu banyak perbincangan, usul dan desakan kerana ia tidak akan memberi masa untuk melaksanakan apa-apa keputusan dengan berkesan.

+Sementara kita harus kaji pencapaian dari masa ke semasa, kita juga harus memberi masa yang mencukupi bagi pelaksanaan membuah hasil,+ tegas beliau.

Katanya, walaupun kongres kali ini bukan dirancang oleh kerajaan, peranan serta sokongannya tetap diperlukan memandangkan kerajaan pernah menganjurkan kongres pertama dan kedua. -- Lagi

♥10/01/14-00MST

CNS8846

U GB 10-01 00080 BH151

BAH

Kongres - Prestasi 4 (akhir) Kuala Lumpur

Di samping itu, Perdana Menteri juga berkata kerajaan tidak berniat untuk menghalang kritikan terhadapnya kerana pencapaian rendah Bumiputera dalam bidang ekonomi.

Sebaliknya, kerajaan sedia mendengar segala kritikan dan menerima usul-usul dan cadangan yang dihasilkan oleh kongres, tambah beliau.

+Seperti mana pihak peniaga perlu berterus terang, kerajaan juga perlu berterus terang jika semua pihak ingin mendapat manfaat daripada kongres ini+, katanya. -- Bernama

♥10/01/14-01MST

CNS8930

R GB 10-01 00141 BA897

bah

Kongres - Prestasi 5 Kuala Lumpur (sambungan)

Mengenai dua kongres yang diadakan sebelum ini tahun 1965 dan 1968, Datuk Seri Dr Mahathir berkata ianya diadakan berikutan keinginan orang Melayu dan bumiputera sama-sama menikmati hasil pembangunan negara seperti kaum lain.

Keadaan ini wujud setelah negara mencapai kemerdekaan dan teraju pemerintahan dipegang sendiri oleh rakyat dengan orang Melayu dan bumiputera memegang tampuk yang terbesar.

Kedua-dua kongres itu diadakan bagi membincang dan merenung hakikat sebenar kedudukan bumiputera daripada segi ekonomi dan hasilnya MARA lahir menggantikan RIDA sebagai agensi menggerakkan masyarakat Melayu dan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian, kata beliau

Di samping itu, katanya, penubuhan Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) dan beberapa perbadanan dan syarikat lain juga jelas membuktikan kesanggupan kerajaan menerima dan melaksanakan keputusan kongres bagi membela nasib bumiputera. -- Bernama.

♥10/01/16-02MST